

BERITA HARIAN

DATE 22/12/2009

**Bekas pegawai
Dr M meninggal**

BH - 22/12/2009



Harun Karim

KUALA LUMPUR: Bekas pegawai khas Tun Dr Mahathir Mohamad ketika menjadi Menteri Pelajaran, Harun Karim meninggal dunia di rumahnya di Taman Melewar, di sini pagi semalam.

Allahyarham yang juga pernah bertugas dengan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tun Musa Hitam, meninggal dunia pada jam 6.30 pagi ketika tidur.

Harun, 78, meninggalkan seorang isteri, tiga anak dan 11 orang cucu.

Jenazah dikebumikan di Kampung Sayong Lembah selepas solat jenazah di masjid kampungnya, petang semalam.

Dr Mahathir dan Musa yang dimaklumkan kemafian itu mengucapkan takziah kepada keluarga Harun.